



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 23 Mac 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>4 Beradik Mangsa Pengabaian Ibu Kandung Ditempatkan Di Pusat Jagaan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/948508/4-beradik-mangsa-pengabaian-ibu-kandung-ditempatkan-di-pusat-jagaan</p>	Harian Metro	Neutral
2	<p>Rogol Adik Kandung: Abang Dihantar Ke Sekolah Henry Gurney</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/250901/berita/s-emas/rogol-adik-kandung-abang-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney</p> <p>https://www.buletintv3.my/mahkamah/remaja-15-tahun-rogol-adik-hingga-lahirkan-bayi-dihantar-ke-henry-gurney/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

	<p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/22/remaja-rogol-adik-sampai-beranak-dihantar-ke-henry-gurney/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/948463/abang-rogol-adik-hingga-lahirkan-bayi-dihantar-ke-henry-gurney</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/remaja-rogol-adik-kandung-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p>	
3	<p>Kanak-Kanak Maut Digilis Treler Ketika Pulang Dari Sekolah</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/948541/kanak-kanak-maut-digilis-treler-ketika-pulang-dari-sekolah</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1080353/kanak-kanak-pulang-dari-sekolah-maut-dirempuh-treler</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kanak-kanak-maut-separuh-badan-hancur-dilenyek-lori/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/murid-perempuan-maut-digilis-treler-ketika-pulang-dari-sekolah-411986</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=ZDFVCMthh4E</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/murid-sembilan-tahun-maut-digilis-treler-ketika-pulang-dari-sekolah/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/22/murid-perempuan-maut-digilis-treler/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV9</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Negatif
4	<p>KDN Teliti Jumlah Kanak-Kanak Di Depot Tahanan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/250909/berita-nasional/kdn-teliti-jumlah-kanak-kanak-di-depot-tahanan</p> <p>https://m.malaysiakini.com/news/659641</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Kini</p>	Neutral

	<p>https://wartaoriental.com/2023/03/22/kdn-masih-teliti-persediaan-asas-keluarkan-kanak-kanak-dari-depot-tahanan/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2175373</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/22/kdn-dalam-peringkat-persediaan-asas-bawa-keluar-kanak-kanak-di-depot-tahanan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/22/kdn-teliti-persediaan-asas-pindah-kanak-kanak-dari-depot-imigresen/</p>	<p>Warta Oriental</p> <p>Bernamea</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>FMT</p>	
5	<p>Tidak Lantik Wanita, Syarikat Kena Penalti</p> <p>https://www.utusan.com.my/gaya/2023/03/tidak-lantik-wanita-syarikat-kena-penalti/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral
6	<p>Cuti Bersalin 98 Hari: Majikan Mungkin Enggan Ambil Wanita Hamil Bekerja, Kata Ka Siong</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/22/cuti-bersalin-98-hari-wee-ka-siong-khuatir-majikan-enggan-ambil-wanita-hamil-baru-kahwin-bekerja/</p>	<p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
7	<p>Nak Untung RM200,000, Wanita Hilang Wang Simpanan RM37,000</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nak-untung-rm200000-wanita-hilang-wang-simpanan-rm37000-412071</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/22/wanita-rugi-lebih-rm37-ribu-diperdaya-dalam-pelaburan-dalam-talian/</p> <p>https://suarasarawak.my/wanita-rugi-rm37217-terpedaya-pelaburan-tidak-wujud/</p> <p>https://www.thesundaily.my/local/woman-loses-rm37000-to-investment-scam-GO10782455</p> <p>https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2175473</p>	<p>Astro Awani</p> <p>TVSTV</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

8	<p>Suami Penentu Jatuh Bangun Kerjaya Wanita Berkeluarga</p> <p>https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/03/1080645/suami-penentu-jatuh-bangun-kerjaya-wanita-berkeluarga</p>	Berita Harian	Neutral
9	<p>Rezeki Ramadan, Ibu Tunggal Dapat Rumah Baharu Percuma</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rezeki-ramadan-ibu-tunggal-dapat-rumah-baharu-percuma-411954</p>	Astro Awani	Neutral
10	<p>Warga Emas Mengesot Hanya Mampu Menumpang Kasih</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/250980/edisi/ke-lantan/warga-emas-mengesot-hanya-mampu-menumpang-kasih</p>	Sinar Harian	Neutral
11	<p>Nelayan Warga Emas Dikhuatiri Lemas Terjatuh Dari Bot</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/nelayan-warga-emas-dikhuatiri-lemas-terjatuh-dari-bot/</p> <p>https://www.buletintv3.my/tragedi/nelayan-warga-emas-hilang-selepas-terjatuh-dari-bot/</p>	Utusan Buletin TV3	Neutral
12	<p>Pastikan Anak OKU Dapat Pendidikan Sewajarnya</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/pastikan-anak-oku-dapat-pendidikan-sewajarnya/</p> <p>https://headtopics.com/my/pastikan-anak-oku-dapat-pendidikan-sewajarnya-37009088</p>	Utusan Head Topics	Neutral
13	<p>Lima Beranak Terpaksa Catu Makan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250861</p>	Sinar Harian	Neutral
14	<p>Ras Adiba rakyat Malaysia pertama terima Anugerah Wanita Berani di Rumah Putih</p>		Neutral

https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/23/ras-adiba-rakyat-malaysia-pertama-terima-anugerah-wanita-berani-di-rumah-putih/	FMT	
https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2175484	Bernamea	

4 BERADIK MANGSA PENGABAIAN IBU KANDUNG DITEMPATKAN DI PUSAT JAGAAN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/948508/4-beradik-mangsa-pengabaian-ibu-kandung-ditempatkan-di-pusat-jagaan>

Sumber : Harian Metro



Johor Bahru: Empat beradik yang diselamatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selepas menjadi mangsa pengabaian ibu kandung di Taman Air Biru, Pasir Gudang dekat sini, akan ditempatkan di sebuah pusat jagaan.

Pegawai JKM Daerah Johor Bahru Adnan Md Yassin berkata, adik-beradik berusia lima hingga 13 tahun itu sudah selesai menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Sultan Ismail (HSI).

Beliau berkata, pelindung kanak-kanak akan mengambil mereka di HSI untuk ditempatkan secara sementara di sebuah pusat jagaan di bandar raya ini.

Katanya, ia bagi tempoh sementara menerusi kuasa pelindung kanak-kanak malah permohonan perintah jagaan sementara akan dilakukan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Johor Bahru.

"Setakat ini, mereka tidak diserahkan kepada ibu walaupun wanita berkenaan tampil membuat tuntutan di JKM dan menyatakan mahu menjaga mereka semula.

"Pelindung kanak-kanak masih menjalankan perbincangan dengan ahli keluarga kanak-kanak yang lain bagi mendapatkan calon yang layak dan sesuai untuk dicadangkan ke mahkamah.

"Ia demi masa depan mereka," katanya dihubungi hari ini.

Pada 3 Mac lalu, Harian Metro melaporkan kisah empat beradik yang [kebuluran](#) empat hari selepas ibu mereka berusia 31 tahun gagal pulang ke rumah.

Wanita berkenaan juga hanya meninggalkan RM2 bagi kegunaan anak-anaknya.

Empat beradik itu bukan saja terputus bekalan makanan malah bekalan elektrik di kediaman mereka juga dipotong akibat tunggakan bil.

Mereka kemudiannya diselamatkan JKM dan tindakan diambil hasil aduan diterima daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Pertubuhan Permata Baiduri Malaysia.

ROGOL ADIK KANDUNG: ABANG DIHANTAR KE SEKOLAH HENRY GURNEY

<https://www.sinarharian.com.my/article/250901/berita/semasa/rogol-adik-kandung-abang-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney>

Sumber : Sinar Harian



JEMPOL - Remaja lelaki berusia 15 tahun yang mengaku bersalah atas dua pertuduhan [merogol adik kandungnya](#) sehingga melahirkan anak bulan lalu telah diperintahkan oleh Mahkamah Majistret di sini pada Selasa untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney.

Majistret, Norshazwani Ishak membuat keputusan itu selepas meneliti laporan sosial remaja terbabit yang dikemukakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Mahkamah memerintahkan remaja itu dihantar ke Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka selama tiga tahun, bermula pada Selasa.

Malah ibu bapa atau penjaganya hanya dibenarkan melawat remaja itu sekali sahaja dalam tempoh sebulan.

Media pada 23 Februari lalu melaporkan tertuduh didakwa melakukan persetubuhan dengan adik kandungnya sendiri pada jam 11 malam hingga 12 tengah malam di antara 21 Jun hingga 30 Jun 2022 di sebuah kediaman di Jempol.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa mengulangi perbuatan sama pada waktu sama di antara 1 September 2022 hingga 10 September 2022.

Bagi kedua-dua pertuduhan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376B (1) Kanun Keseksaan, sabit kesalahan boleh dihukum penjara antara 10 hingga 30 tahun dan sebatan.

Mengikut fakta kes, adik kandung tertuduh berusia 14 tahun melahirkan bayi lelaki cukup sifat.

Ketika seorang pegawai perubatan bersama kakitangan klinik kesihatan datang ke rumah, remaja itu berada di atas katil di ruang tamu dan bayi berkenaan berada di dalam besen serta keadaan uri masih bersambung.

Pegawai berkenaan, kemudiannya memotong tali pusat bayi dan membawa ibu dan anak ke klinik kesihatan untuk rawatan sebelum dirujuk ke hospital.

KANAK-KANAK MAUT DIGILIS TRELER KETIKA PULANG DARI SEKOLAH

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/948541/kanak-kanak-maut-digilis-treler-ketika-pulang-dari-sekolah>

Sumber : Harian Metro



Klang: Kanak-kanak perempuan meninggal dunia manakala adik lakinya cedera selepas motosikal yang dibonceng bersama jiran dilanggar treler di Jalan Tengah, Kampung Telok Gong dekat sini, hari ini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Morni Mamat berkata, dalam kemalangan berkenaan, mangsa, meninggal dunia berusia 9 tahun manakala adik lelaki, 7, dan pengasuh yang juga jiran iaitu seorang wanita berusia 54 tahun cedera.

Katanya, pihaknya menerima panggilan pada 11.25 pagi dan sepasukan anggota serta pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Klang digegaskan ke lokasi.

"Kemalangan membabitkan treler yang melanggar motosikal yang dinaiki tiga mangsa termasuk dua kanak-kanak," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, kemalangan itu berlaku ketika wanita yang juga pengasuh dalam perjalanan pulang ke rumah selepas mengambil dua beradik itu dari sekolah.

Katanya, mayat kanak-kanak perempuan diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan seterusnya manakala dua mangsa yang cedera di hantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang untuk rawatan lanjut.

KDN TELITI JUMLAH KANAK-KANAK DI DEPOT TAHANAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/250909/berita/nasional/kdn-teliti-jumlah-kanak-kanak-di-depot-tahanan>

Sumber : Sinar Harian



PUTRAJAYA - Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang mengenalpasti jumlah sebenar kanak-kanak yang berada dalam tahanan di depot Imigresen pada masa ini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ketika ini pihaknya akan meneliti persediaan asas untuk menyerahkan mereka kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khusus bagi penjagaan kanak-kanak.

“Saya telah mengadakan perbincangan bersama Ketua Setiausaha KDN dan pegawai atasan KDN untuk memastikan perkara ini berterusan, persediaan asas dilaksanakan,” katanya ketika sidang akhbar selepas Perhimpunan Bulanan KDN pada Rabu.

Sebelum ini, media melaporkan KDN dalam usaha membawa keluar kanak-kanak yang berada di depoh tahanan sementara Imigresen di seluruh negara sebelum diserahkan kepada NGO berkaitan selepas isu berkenaan mendapat perhatian aktivis hak asasi manusia dan badan antarabangsa.

Sementara itu mengulas mengenai perkembangan Datuk Seri Najib Tun Razak, Saifuddin Nasution mengesahkan bekas Perdana Menteri itu menjalani rawatan di sebuah hospital di ibu negara atas faktor kesihatan.

"Semalam KP (Ketua Pengarah) Jabatan Penjara maklumkan saya, benar beliau (Najib) dibawa ke hospital bagi menjalani rawatan bersabit kesihatan.

"Itu permohonan biasa, dibolehkan, Jabatan Penjara memberikan pelepasan dalam tempoh tertentu. Bergelar tahanan sekalipun tidak menghilangkan hak dia (Najib) untuk mendapatkan rawatan, itu kaedah KDN khususnya Jabatan Penjara menguruskan hal seperti ini," jelasnya.

Sebelum ini, media melaporkan, Najib dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) sejak beberapa hari lalu dipercayai mengalami jangkitan pada paru-paru.

Najib mula menjalani hukuman penjara pada 23 Ogos lalu selepas Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan dan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta yang dihadapinya dalam kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

TIDAK LANTIK WANITA, SYARIKAT KENA PENALTI

<https://www.utusan.com.my/gaya/2023/03/tidak-lantik-wanita-syarikat-kena-penalti/>



AMAT menyedihkan apabila kuota 30 peratus penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan yang diperjuangkan lebih sedekad lalu masih lagi gagal dicapai hingga kini.

Buktinya, laporan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mendapati setakat 31 Disember tahun lalu, peratusan wanita sebagai ahli lembaga pengarah di 100 syarikat tersenarai awam yang teratas, cuma 29 peratus.

Walaupun kerajaan bersilih ganti di samping pemimpin datang dan pergi, namun entah di mana silapnya, wanita masih tidak diangkat ke kedudukan sepatutnya.

Presiden dan Pengasas Persatuan Wanita Inspirasi Negara (WIN), Norhimah Idris berkata, pendekatan lebih tegas perlu diambil kerajaan bagi memastikan agenda diperjuangkan itu tidak terus sepi dan tertangguh.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar mana-mana syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang ingkar arahan untuk melantik wanita sebagai ahli lembaga pengarah dikenakan penalti.

Katanya, hukuman itu wajar bagi mendidik organisasi dan masyarakat untuk mengiktiraf peranan serta sumbangan wanita.

“Sebenarnya isu kuota 30 peratus ini sudah terlalu lama tertangguh dan saya fikir kerajaan tiada pilihan selain mewajibkan GLIC dan GLC patuh kepada arahan itu.

“Jalan penyelesaian ialah dengan mengenakan penalti kepada mana-mana syarikat yang gagal melantik ahli lembaga pengarah wanita,” katanya kepada Utusan Malaysia.

Baru-baru ini, ketika berucap pada sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa GLC meningkatkan jumlah wanita sebagai ahli lembaga pengarah.

Katanya, perkara itu perlu diberi perhatian serius oleh semua GLC supaya peranan wanita mempunyai peningkatan nyata.

Dalam pada itu, Laporan Credit Suisse pada 2016 mendedahkan, syarikat yang diterajui sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga pengarah wanita mampu mencatatkan pulangan pelaburan positif berbanding organisasi dianggotai hanya lelaki dalam jawatan tersebut.

Norhimah turut menyarankan syarikat yang mematuhi arahan pelantikan ahli lembaga pengarah wanita agar diberikan insentif misalnya pelepasan cukai dan sebagainya sebagai galakan.

Hadkan pembabitan lembaga pengarah tidak lebih dua syarikat

Dalam perkembangan sama, beliau mahu pelantikan ahli lembaga pengarah dihadkan kepada dua syarikat sahaja.

Katanya, langkah itu dapat memastikan lebih ramai kaum Hawa yang berkelayakan dan berpotensi dapat mengisi kekosongan tersebut.

“Ketika ini, ada lembaga pengarah yang memegang sehingga tiga jawatan sama di organisasi berbeza.

“Cadangan saya kalau boleh lembaga pengarah jangan pegang terlampau banyak jawatan di syarikat-syarikat lain dan sewajarnya jumlah itu tidak lebih daripada dua sahaja (jawatan),” katanya.

Sementara itu, menurut Norhimah, GLIC dan GLC juga perlu memainkan peranan untuk bekerjasama dengan NGO bagi mengenal pasti wanita berkelayakan untuk dilantik sebagai lembaga pengarah.

‘Siling kaca’ pecah jika lelaki turunkan ego

Fenomena siling kaca yang sering menyekat potensi wanita sebagai pembuat keputusan hanya boleh dipecahkan jika lelaki menurunkan ego mereka.

Norhimah tidak menafikan yang situasi itu masih berlarutan hingga kini dek kerana ego lelaki yang memandang rendah kemampuan dan keupayaan wanita.

“Kaum Adam kena rendahkan ego, kita dapat lihat walaupun ramai wanita yang layak dilantik sebagai ketua, namun kekosongan berkenaan tetap diberikan kepada calon lelaki.

“Sudah sampai masanya pemilihan jawatan ketua dibuat berdasarkan pengalaman, merit serta kelayakan individu dan bukan bersandarkan jantina,” tegasnya.

CUTI BERSALIN 98 HARI: MAJIKAN MUNGKIN ENGGAN AMBIL WANITA HAMIL BEKERJA, KATA KA SIONG

<https://malaysiagazette.com/2023/03/22/cuti-bersalin-98-hari-wee-ka-siong-khuatir-majikan-enggan-ambil-wanita-hamil-baru-kahwin-bekerja/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Kementerian Sumber Manusia disaran mengkaji semula pelaksanaan beberapa aspek dalam pindaan Akta Kerja 1955 yang bermula tahun ini.

Ia termasuk waktu kerja yang dikurangkan kepada 45 jam seminggu dan tempoh cuti bersalin sehingga 98 hari.

Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Wee Ka Siong (Barisan Nasional) berkata, undang-undang baharu itu mungkin berisiko mengakibatkan ketidakstabilan sesebuah syarikat.

Dalam masa yang sama katanya, pelaksanaan cuti bersalin dari 60 kepada 98 hari dibimbangi secara tidak langsung akan mencetuskan diskriminasi pengambilan pekerja.

Ka Siong menjelaskan, majikan mungkin memilih untuk menggaji lebih ramai wanita bujang berbanding ibu hamil atau wanita yang baru mendirikan rumah tangga.

Ini kerana, tempoh cuti bersalin selama 98 hari dilihat majikan sebagai satu tempoh yang panjang.

“Berkenaan cuti bersalin 98 hari. Saya ucapkan tahniah kerana kerajaan mahu menjaga kaum wanita tetapi kekhawatiran saya, kebanyakan majikan apabila melihat ibu mengandung dan wanita baru berkahwin, mereka tidak akan ambil bekerja. Mereka akan cari yang tidak mengandung.

“Sebab cuti bersalin membolehkan wanita itu tidak perlu bekerja selama lebih kurang empat bulan.

“Mungkin hasrat kita baik tetapi akhirnya mendatangkan mudarat kepada ibu muda,” katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu, Ka Siong menyifatkan pelaksanaan beberapa perkara dalam Pindaan Akta Kerja 1955 baru-baru ini sebagai drastik apatah lagi mengambil kira pasca Covid-19.

Katanya, pengurangan waktu bekerja daripada 48 kepada 45 jam seminggu akan meningkatkan kos pengeluaran majikan apabila terpaksa membayar upah kerja lebih masa yang meningkat berbanding sebelum ini.

“Selepas Covid-19, kerajaan tiba-tiba laksanakan tiga dasar penting iaitu waktu bekerja 45 jam seminggu, ini akan memberi dasar satu gaji dan Over Time (OT) meningkat.

“Yang lebih memudaratkan syarikat Pengusaha Kecil dan Sederhana Malaysia (PKS) kecil-kecil apabila kalau dulu kerani dapat gaji RM2,300, kerja sampai jam 7 petang tidak dibayar waktu lebih masa, tetapi selepas Akta Kerja 1955 dipinda, tiba-tiba mereka yang berpendapatan RM2,000 hingga RM4,000 tertakluk kepada pembayaran OT.

“Ini sekali lagi meningkatkan kos pengeluaran. Saya bangkitkan perkara ini, kerana mahu lihat keadaan yang harmoni di antara majikan dan pekerja,” jelasnya.

Mengakui kerajaan mengambil langkah tersebut untuk memberikan manfaat yang lebih kepada pekerja, namun Ka Siong yang juga bekas Menteri Pengangkutan menganggap situasi berkenaan boleh menjejaskan kestabilan sesebuah syarikat dalam masa yang sama berisiko meningkatkan pengangguran. -MalaysiaGazette

NAK UNTUNG RM200,000, WANITA HILANG WANG SIMPANAN RM37,000

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nak-untung-rm200000-wanita-hilang-wang-simpanan-rm37000-412071>

Sumber : Astro Awani



SIBU: Akibat terpaut dengan tawaran pelaburan yang kononnya menjanjikan pulangan melebihi RM200,000 di aplikasi Telegram, seorang wanita tertipu, dan mengalami kerugian berjumlah RM37,217.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata wanita berumur 30an itu kehilangan wang simpanannya yang dipindahkan ke lima akaun bank sehingga semalam, dengan harapan mendapatkan keuntungan tinggi.

"Wanita itu membuat tujuh transaksi pemindahan wang ke lima akaun bank berasingan antara 8 dan 20 Mac bagi tujuan mendapatkan mata serta keuntungan," katanya dalam kenyataan di sini pada Rabu.

"Wanita itu merasakan dirinya ditipu hanya selepas diminta untuk membuat pindahan wang sebanyak RM41,447 bagi mendapatkan semula wangnya dengan bonus berjumlah RM273,439," katanya.

Zulkipli seterusnya menasihati orang ramai agar membuat semakan terlebih dahulu bagi memastikan kesahihan pelaburan yang dibuat dan tidak mudah terpedaya dengan pulangan lebih tinggi yang dijanjikan berbanding dengan yang ditawarkan oleh institusi kewangan berlesen.

Beliau berkata maklumat lanjut mengenai sebarang pelaburan yang meragukan boleh dirujuk kepada balai polis berdekatan atau di <http://semakmule.rmp.gov.my>, CCID Infoline di 013-2111222, 03-26101559/03-26101599, <https://www.facebook.com/CyberCrimeAlertRMP> atau di [talian 997](tel:997).

SUAMI PENENTU JATUH BANGUN KERJAYA WANITA BERKELUARGA

<https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/03/1080645/suami-penentu-jatuh-bangun-kerjaya-wanita-berkeluarga>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Bagi memastikan wanita mampu untuk terus menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara, aspek kesejahteraan wanita berkerjaya harus diberi perhatian serius.

Ini kerana wanita memainkan pelbagai peranan sebagai seorang isteri, ibu, pekerja, anak dan pelbagai lagi tanggungjawab yang ada kalanya menimbulkan konflik dan seterusnya tekanan yang menghalang wanita untuk kekal produktif.

Sehubungan itu, bagi mengenal pasti apakah aspek kesejahteraan bagi wanita yang berkerjaya, satu kajian kualitatif dijalankan dalam kalangan wanita berkahwin yang berusia 40 tahun ke atas, mempunyai anak dan mempunyai pengalaman berkerja lebih 10 tahun.

Pengarah Penerbit Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Che Hasniza Che Noh, berkata kajian itu mendapat penajaan di bawah 'Fundamental Research Grant' Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang membabitkan pensyarah wanita yang turut memegang jawatan pengurusan di universiti masing-masing.

Katanya, hasil temubual mendalam terhadap sekumpulan wanita berkerjaya itu mendapati kesejahteraan ditakrifkan sebagai ketenangan mental, emosi dan jiwa, serta rasa aman dan tenteram dalam setiap peranan sebagai isteri, ibu, anak dan pekerja serta tanggungjawab lain yang berkaitan.

"Kegagalan dalam menjalankan salah satu peranan itu akan mendatangkan kecelaruan dan akhirnya menjejaskan kesejahteraan dalam kehidupan wanita yang berkerjaya," katanya.

Justeru, suami adalah tulang belakang yang boleh menentukan jatuh bangun kehidupan kerjaya wanita berkeluarga dan mampu memastikan kelangsungan untuk meneruskan kerjaya dengan berkesan.

"Antara bentuk sokongan yang perlu ialah sikap ringan tulang dalam membantu tugas rumah tangga, menjaga anak ketika isteri bertugas di luar kawasan atau perlu hadir bertugas sehingga lewat malam atau ketika hari cuti.

"Suami yang memahami kerjaya isteri juga amat penting, misalnya ada kalanya isteri perlu menghadiri persidangan, mesyuarat dan sebagainya kerana ia salah satu keperluan kerjaya," katanya.

Selain itu katanya, reda suami yang membenarkan isteri keluar bekerja juga faktor penting yang memberikan ketenangan ketika isteri keluar bekerja.

Kajian juga mendapati wanita yang mendapat sokongan ahli keluarga sangat membantu untuk wanita merasa sejahtera khususnya apabila mereka keluar bekerja.

"Selain itu, anak-anak yang mampu berdikari seawal usia juga akan membantu ibu untuk bekerja dengan tenang," katanya.

Che Hasniza berkata, kajian itu juga mendapati pembantu rumah, pengasuh dan pusat penjagaan kanak-kanak sangat membantu wanita untuk lebih fokus ketika bekerja.

Begitu pusat asuhan yang memenuhi kriteria yang diperlukan, ia membuatkan para ibu mampu bekerja dengan tenang.

Majikan, rakan sekerja dan kemudahan yang kondusif turun memainkan peranan dalam kesejahteraan wanita.

"Ini kerana tempat bekerja adalah 'rumah kedua' wanita berkerjaya hingga ada kalanya jumlah masa diluangkan di tempat kerja lebih lama berbanding di rumah sendiri.

"Kajian mendapati jika berlaku konflik antara kerja dan keluarga, wanita akan mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya sekali pun mereka terpaksa berhadapan dengan kekangan kewangan akibat berhenti bekerja," katanya.

Fasiliti di tempat kerja juga akan membantu wanita misalnya terdapat kemudahan Taska untuk meninggalkan anak-anak dengan selamat ketika bekerja.

Namun katanya, wanita yang tidak dapat menyeimbangkan kerjaya dan keluarga akan mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya bagi memberi tumpuan sepenuhnya kepada keluarga.

"Ia jelas satu kerugian kepada masyarakat, organisasi dan negara kerana wanita tidak dapat menyumbang secara langsung.

"Justeru, bagi mencapai keseimbangan antara kerjaya dan keluarga, aspek kesejahteraan wanita harus diberi perhatian," katanya.

REZEKI RAMADAN, IBU TUNGGAL DAPAT RUMAH BAHARU PERCUMA

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rezeki-ramadan-ibu-tunggal-dapat-rumah-baharu-percuma-411954>

Sumber : Astro Awani



LIPIS: Kehadiran Ramadan memberi makna besar buat dua penerima Rumah Rakyat Pahang (RRP) di kawasan Padang Tengku di sini, apabila berpeluang menyambut bulan mulia itu di rumah baharu yang diberikan secara percuma oleh kerajaan negeri.

Bagi ibu tunggal, Siti Norizan Hasan@Husin, 43, dari Kampung Bapong, dia menzahirkan rasa gembira dan terharu apabila impian memiliki rumah sendiri akhirnya tercapai.

"Saya bekerja sebagai pembantu kedai makan bagi menyara enam anak yang masih belajar termasuk seorang Orang Kurang Upaya (Oku) kategori lembam.

"Dengan pendapatan sekitar RM500 sebulan agak sukar untuk saya membeli atau membina rumah sendiri.

"Terima kasih kepada Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Padang Tengku, Datuk Mustapa Long kerana memilih saya sebagai salah seorang penerima RRP," katanya.

Siti Norizan ditemui ketika lawatan dan penyerahan kunci RRP yang disampaikan oleh Mustapa di Kampung Bapong di sini hari ini.

Hadir sama Penghulu Mukim Telang, Muhamad Hafiz Mohamed Azmi; Mohd Zukifli Ramli, Penghulu Mukim Gua; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung

(JPKK) Kampung Beralas, Ismail Ali dan Ketua Cawangan UMNO Kampung Bapong, Mohd Asri Nong.

Seorang lagi penerima dari Kampung Beralas, Wan Mohd Nazari Wan Hassan, 50, yang juga OKU kurang pendengaran, berkata sebelum ini dia menumpang tinggal di rumah kakaknya yang terletak di Taman Cempaka, Padang Tengku.

"Syukur penantian saya untuk mendapat rumah akhirnya tercapai dan saya akan membawa emak yang berusia 82 tahun untuk tinggal bersama-sama di rumah RRP ini.

"Rumah ini cukup selesa untuk didiami kerana dilengkapi dengan ruang tamu, tiga bilik tidur, tandas, bilik air dan ruang dapur," ujarnya.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, RRP merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pahang yang menyediakan kediaman lebih selesa kepada rakyat yang layak.

"Penerima akan disenarai pendek daripada golongan kurang berkemampuan yang berdaftar dalam e-kasih.

"RRP ini diberikan secara percuma kepada individu yang layak. Harga RRP dahulu RM65,000 seunit, namun kerajaan menambah peruntukan kepada RM75,000 berikutan kenaikan kos bahan binaan," katanya.

WARGA EMAS MENGESOT HANYA MAMPU MENUMPANG KASIH

<https://www.sinarharian.com.my/article/250980/edisi/kelantan/warga-emas-mengesot-hanya-mampu-menumpang-kasih>

Sumber : Sinar Harian



TANAH MERAH - Kudrat yang semakin lemah pada usia 84 tahun memaksa seorang warga emas di Kampung Air Cina, Batu 10, Batang Merbau, di sini, meneruskan kehidupannya dalam keadaan mengesot sejak tiga tahun lalu.

Minah Mat Diah menjalani kehidupannya di sebuah bangsal kecil bersaiz 3x3 meter yang dibina oleh anak saudaranya, Yusof Che Leh, 62, selepas kematian suami pada tahun 2017.

Yusof berkata, beliau memindahkan Minah yang juga kakak kepada arwah ibunya itu untuk tinggal berdekatan rumahnya bagi memudahkan urusan penjagaan makan dan minum warga emas tersebut.



Yusof

“Dia tidak mempunyai anak dan sayalah yang bertanggungjawab untuk menjaga keperluannya selain menjadi tempat dia menumpang kasih.

“Dia akan mengesot jika mahu ke tandas. Sewaktu sakit atau demam, saya perlu memapahnya untuk dibawa ke hospital kerana tidak mempunyai kerusi roda,” katanya ketika ditemui di sini pada Rabu.

Menurut bapa kepada tiga anak itu, Minah menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM500 sebulan yang digunakan untuk membeli makanan dan keperluannya.

Yusof turut dibantu isterinya, Zaiton Yakob, 59, untuk menjaga Minah.

Dalam masa sama, Yusof yang turut dibantu isterinya, Zaiton Yakob, 59, untuk menjaga Minah memberitahu bahawa ibu saudaranya itu turut memerlukan kerusi roda.



Bangsang kecil yang dibina Yusof untuk Minah.

“Ibu saudara saya sangat memerlukan sumbangan kerusi roda untuk memudahkan pergerakan dan kami pula tidak mampu untuk membelinya.

“Dia juga memerlukan perhatian 24 jam dan pernah dijumpai duduk di atas jalan di hadapan rumah selepas mengesot sejauh 50 meter dari bangsalnya,” ujar Yusof yang bekerja sebagai penjaga ladang kelapa sawit dengan pendapatan RM1,000 sebulan, selain turut mengalami penyakit lelah.

Bagi yang ingin membantu boleh salurkan akaun Yusof Che Leh CIMB Bank 7621037391 atau hubunginya di talian 017-9480947.

NELAYAN WARGA EMAS DIKHUATIRI LEMAS TERJATUH DARI BOT

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/nelayan-warga-emas-dikhuatiri-lemas-terjatuh-dari-bot/>

Sumber : Utusan



DUNGUN: Seorang nelayan warga emas dikhuatiri lemas selepas terjatuh dari bot ketika dalam perjalanan pulang menangkap ikan ke Jeti Kuala Dungun, di sini, malam tadi.

Mangsa, Ismail Awang, 71, yang tinggal di Kampung Sura Hujung, dekat sini, disedari terjatuh oleh krew bot pada jarak sekitar 10 batu nautika dari Pulau Tenggol kira-kira pukul 10.50 malam.

Ketua Polis Daerah Dungun, Superintenden Baharudin Abdullah berkata, difahamkan, mangsa bersama tujuh orang awak-awak termasuk dua anaknya, keluar menangkap ikan pada Jumaat lalu dan dijangka pulang awal pagi ini.

“Bagaimanapun, mangsa dikatakan terjatuh dari bot. Rakan-rakan serta anaknya cuba mencari mangsa, namun berikutan cuaca yang gelap, mangsa gagal ditemukan,” katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Baharudin berkata, isteri mangsa, yang menerima maklumat daripada warisnya telah membuat laporan polis kira-kira pukul 3 pagi.

“Kita juga telah menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Maritim Malaysia sebelum operasi mencari dan menyelamat mangsa digerakkan,” ujarinya.

Sementara itu, Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, bot Perkasa 49 telah diatur gerak untuk operasi mencari dan menyelamat kira-kira pukul 3.30 pagi.

“Operasi pencarian dilakukan sekitar jarak lima batu nautika persegi dari lokasi mangsa dipercayai terjatuh,” katanya. – UTUSAN

PASTIKAN ANAK OKU DAPAT PENDIDIKAN SEWAJARNYA

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/pastikan-anak-oku-dapat-pendidikan-sewajarnya/>

Sumber : Utusan



PETALING JAYA: Implementasi yang lemah dalam pendidikan tidak sewajarnya diterima oleh anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) menyebabkan seolah-olah golongan istimewa itu dinafikan hak mereka. Pensyarah di Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Hasnah Toran berkata, Malaysia sudah pun mempunyai akta dan polisi mahupun pelan yang baik untuk golongan OKU namun implementasinya...

LIMA BERANAK TERPAKSA CATU MAKAN

<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250861>

Sumber : Sinar Harian



JOHOR BAHRU - Pasangan orang kurang upaya (OKU) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Setia Indah di sini mengangap Ramadan kali ini berbeza dan tidak seperti sebelumnya dengan sambutan yang suram.

Zulkifli Ainul Mokhsein, 36, yang bisu, pekak dan menghidap barah limfoma tahap empat berkata, ini kerana mereka tidak mampu melakukan sebarang persiapan untuk Ramadan kerana dia sudah tidak bekerja.

Walaupun bulan puasa akan bermula pada Khamis, perkara utama yang difikirkan Zulkifli Ainul ketika ini adalah barang keperluan dapur yang biasanya hanya mampu bertahan tiga hingga empat hari.

Dia berkata, sudah banyak cabaran diharungi sepanjang diuji dengan penyakit itu antaranya terpaksa berhenti berniaga sate hingga gagal menyara keluarga dan kesan kemoterapi serta pinggangnya lemah.

Malah katanya, walaupun menerima bantuan bulanan daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) berjumlah RM400 dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450, namun masih tidak mencukupi.

"Dalam keadaan kesihatan yang semakin merosot, saya tiada sumber pendapatan lain malah perancangan isteri yang juga OKU pendengaran dan bisu, Siti Nuratikah Mohd Suhaimi, 30, untuk bekerja juga gagal kerana perlu menjaga tiga anak kami.

"Masalah terputus bekalan makanan bukan perkara baharu bagi kami dan kadang-kala kami hanya berkongsi dua bungkus nasi bajet," katanya kepada pemberita yang berkomunikasi menerusi aplikasi WhasApp.

Walaupun begitu, Zulkifli berharap ada keajaiban untuknya sembuh supaya dapat menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

Menceritakan keadaannya, bapa kepada tiga cahaya mata berusia tujuh, empat dan dua tahun itu memberitahu, sudah hampir 40 kali menjalani kemoterapi dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

"Sel barah saya dari bahagian dada kini didapati masih aktif dan merebak hampir hingga ke seluruh badan dan hanya Allah saja tahu jangka hayat saya. Saya diuji dengan barah limfoma tahap empat dan dalam tempoh lima tahun, sel kanser saya berulang-kali aktif.

"Doktor yang mengesahkan sel barah saya sudah merebak hampir ke seluruh tubuh itu menasihati untuk menjalani rawatan radioterapi di Hospital Sultan Ismail (HSI) sebanyak 20 kali mulai akhir bulan ini," katanya.

Dia hanya berserah kepada tuhan dan ikhtiar menjalani rawatan radioterapi demi isteri serta tiga anaknya itu.

"Saya dimasukkan ke Institut Kanser Negara (IKN) seminggu lalu bagi menjalani Positron Emission Tomography (PET Scan) dan CT Scan (pengimbasan tomografi berkomputer) bagi pemeriksaan seluruh tubuh," ujarnya.

Dia mengakui memerlukan wang bagi menampung kos berulang-alik ke hospital untuk menjalani radioterapi.

"Saya tidak tahu sampai bila saya dapat melawan situasi seumpama itu, namun saya tidak mahu berputus asa kerana isteri dan anak hanya memiliki saya sebagai tempat bergantung," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Maybank miliknya bernombor 101280031978 atau hubungi 013-742 8343.

RAS ADIBA RAKYAT MALAYSIA PERTAMA TERIMA ANUGERAH WANITA BERANI DI RUMAH PUTIH

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/23/ras-adiba-rakyat-malaysia-pertama-terima-anugerah-wanita-berani-di-rumah-putih/>

Sumber : Free Malaysia Today



KUALA LUMPUR: Ahli Dewan Negara, Senator Ras Adiba Radzi menjadi rakyat Malaysia pertama menerima Anugerah Wanita Berani Antarabangsa (IWOC) 2023 di Rumah Putih, Amerika Syarikat.

Majlis yang berlangsung 11 Mac lepas menyaksikan Ras Adiba antara 11 wanita terpilih daripada 60 calon di seluruh dunia, untuk memenangi anugerah itu.

“Tidak terlintas langsung di kepala, saya akan terima anugerah ini sebab ada 60 wanita di seluruh dunia di bawah pemilihan dan pemerhatian Jabatan Negara Amerika Syarikat.

“Kalau orang tanya saya betul ke kamu terima anugerah, saya kata ya, saya menang, tapi selepas itu saya akan picit jari saya. Saya masih tak boleh terima kenyataan itu, bukan sebab tak nak terima, tapi ia (anugerah) sungguh istimewa,” katanya kepada FMT.

Ras Adiba terpilih kerana beliau secara konsisten menggunakan profesionnya untuk memajukan serta mempromosi hak asasi manusia, selain menentang ketidakadilan di Malaysia menerusi pelbagai platform.

Pelantikan Ras Adiba sebagai ahli Dewan Negara pada 2020 bagi mewakili golongan kurang upaya (OKU), turut dinilai.



Ras Adiba Radzi menunjukkan Anugerah Wanita Berani Antarabangsa yang diterimanya di Rumah Putih awal bulan ini.

Bekas pembaca berita di sebuah stesen televisyen swasta itu mendapat “markah lebih” apabila terpilih menjadi wanita pertama menerajui Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

“Saya berlawak dengan mereka, oh kalian semua ini sudah lama menghendap kami ya? Mereka rupanya sudah memerhatikan kami sejak sekian lama, melihat sumbangan kami pada komuniti. Ada di antara kami adalah doktor yang negaranya bergolak, ada yang berulang kali masuk penjara sebab pertahan hak wanita.”

Selain Ras Adiba, 10 lagi penerima IWOC turut memiliki portfolio mengagumkan, antaranya Dr Zakira Hekmat dari Afghanistan, Alba Rueda dari Argentina dan Donis Rios dari Costa Rica.

“Apabila kami sampai di Rumah Putih, kami melopong. Tapi kami rasa dihargai, petugas di sana buat kami rasa selesa sangat. Kami rasa seperti kerabat. Alhamdulillah syukur sangat.



Ras Adiba Radzi lantang memperjuangkan isu membabitkan golongan OKU.

“Ini adalah kali pertama selepas Covid-19. Tiga tahun selepas itu, mereka menyampaikannya di Rumah Putih. Ini satu penghargaan yang besar sekali. Kita masa kecil, tengok saja Rumah Putih, lagi kita orang media tengok beritakan? Bila sampai (ke Rumah Putih) saya rasa, betul ke ni? Saya macam tak percaya,” katanya dengan teruja.

Beliau berkata, anugerah itu menguatkan semangatnya untuk terus membantu masyarakat, terutama OKU yang diwakilinya.

“Sewaktu saya mula jadi OKU, enam tahun saya tidak bekerja. Enam tahun itu, saya makan nasi dengan garam dan minum air paip. Saya tidak mahu perkara itu berlaku pada OKU lain.

“Kalau orang bukan OKU boleh pergi sekolah, kami pun mahu begitu. Kami juga mahu tinggal di rumah yang sesuai untuk kami. Kami tidak mahu meminta-minta, kami bukan pengemis. Kami juga warganegara Malaysia. Jadi, apa yang penting, berikan hak yang saksama kepada semua di luar sana.”